

24 NOV 1997

Swasta

KERAJAAN JOHOR DAN SWASTA BINCANG RANGKA PEMBANGUNAN EKONOMI

JOHOR BAHRU, 24 Nov (Bernama) -- Kerajaan Johor akan mengadakan perbincangan dengan sektor swasta dalam merangka pembangunan berterusan sebagai usaha membantu kerajaan menangani masalah ekonomi sekarang.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman hari ini berkata perbincangan itu bagi mengenal pasti bidang-bidang yang sesuai untuk dibangunkan di negeri ini.

Langkah itu juga sejajar dengan penubuhan Majlis Bertindak Ekonomi Negara (NEAC), yang berperanan sebagai badan penasihat ekonomi, dalam mengenal pasti pelan tindakan 12 perkara, katanya kepada pemberita selepas upacara majlis pecah tanah Hospital Pakar Larkin di sini.

Abdul Ghani berkata perbincangan itu juga akan memberi penekanan kepada bidang perkhidmatan dan pengeluaran dalam usaha mengurangkan pergantungan kepada barangan import dan pertukaran wang asing.

Beliau, juga menyeru masyarakat tempatan melancong dalam negeri, terutamanya pada masa cuti persekolahan ini, sebagai menyahut seruan Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamed dalam usaha memulihkan ekonomi negara.

Terdahulu, Abdul Ghani dalam ucapannya berharap dengan pembinaan lebih banyak hospital pakar di sini akan menjadikan Johor sebagai pusat kecemerlangan perubatan di rantau ini.

Katanya, ini juga akan memberi peluang rakyat tempatan mendapatkan perkhidmatan pakar tanpa perlu ke luar negara.

Beliau, mengingatkan hospital swasta supaya tidak mengabaikan tanggungjawab sosial terhadap penduduk tempatan, di samping menjadikan hospital itu sebagai tempat rujukan untuk mengetahui penyakit.

Hospital Pakar Larkin, membabitkan kos RM170 juta akan dimajukan oleh Nathill Track Sdn Bhd, sebuah syarikat milik Bumiputera, yang dijangka siap menjelang akhir tahun 1999.

Pengerusinya, Datuk Mohd Noor Yusof berkata hospital itu akan menggunakan konsep baru penjagaan kesihatan bersepadu.

Katanya, bangunan hospital itu mempunyai enam tingkat dengan 250 buah katil, sembilan dewan bedah, bilik rawatan harian, unit penjagaan intensif dan koronari, kemalangan dan kecemasan, farmasi, radiologi dan fisioterapi.

Bagi kemudahan pesakit dan pelawat pula, ruang perniagaan seperti medan selera, kedai bunga, pasar mini dan tempat meletak kereta juga disediakan sejajar dengan konsep bersepadu, katanya. -- BERNAMA

BH RI